

# PANDUAN TEKNIKAL

**PANDUAN TATACARA PERMOHONAN  
MEMBATALKAN LESEN ATAS  
PERMOHONAN PEMEGANG LESEN  
SECARA DALAM TALIAN MELALUI  
SISTEM eLESEN BAGI MAKSUD BUKAN  
PERUBATAN**



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-8922 5888  
Fax: 03-8922 3685  
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

## KANDUNGAN

	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	TUJUAN	1
2.0	SKOP	1
3.0	SINGKATAN	1
4.0	TAKRIFAN	1
5.0	LATAR BELAKANG	2
6.0	KEPERLUAN UMUM BAGI MEMBATALKAN LESEN	3
7.0	TATACARA PERMOHONAN MEMBATALKAN LESEN	4
8.0	PENUTUP	5
9.0	REKOD DOKUMEN	5
10.0	RUJUKAN	6

## **1.0 TUJUAN**

Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan tatacara permohonan membatalkan lesen atas permohonan pemegang lesen secara dalam talian melalui Sistem eLesen.

## **2.0 SKOP**

Panduan ini terpakai bagi maksud bukan perubatan yang melibatkan semua pemegang lesen Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) yang dilesenkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

## **3.0 SINGKATAN**

3.1 Singkatan perkataan yang digunakan dalam panduan ini mempunyai makna seperti berikut:

3.1.1 AELB adalah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom; dan

3.1.2 Akta 304 adalah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

## **4.0 TAKRIFAN**

4.1 Dalam panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

4.1.1 “Pemegang lesen” ertinya pemegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini [Seksyen 2 Akta 304].

4.1.2 “Peralatan Sinaran” ertinya sumber sinaran (radas atau bahan yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion) dan perkakasan lain yang perlu untuk melengkapkan peralatan tersebut.

## **5.0 LATAR BELAKANG**

5.1 Merujuk kepada Peraturan 78 (1) Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010, pemegang lesen tidak boleh:

5.1.1 memberhentikan operasi;

5.1.2 membubarkan; atau

5.1.3 meninggalkan,

kemudahan berlesennya yang melibatkan suatu sumber sinaran atau kemudahan pengurusan sisa radioaktif, kecuali dengan kelulusan bertulis dan mengikut arahan AELB.

5.2 Peraturan 78 (2) Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 pula menyatakan pemegang lesen yang berniat untuk memberhentikan operasi, membubarkan atau meninggalkan kemudahan berlesen atau kemudahan pengurusan sisa radioaktifnya yang melibatkan suatu sumber sinaran hendaklah memberitahu AELB secara bertulis:

5.2.1 tentang tarikh pemberhentian, pembubaran atau peninggalan yang dicadangkan; dan

5.2.2 tentang pelan bagi pemberhentian operasi, pembubaran atau peninggalan yang hendak diusahakan, demi kepentingan keselamatan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear atau

benda yang ditetapkan dan bagi kesihatan dan keselamatan pekerja dan orang awam.

## **6.0 KEPERLUAN UMUM BAGI MEMBATALKAN LESEN**

6.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan perkara-perkara yang ditetapkan seperti:

- 6.1.1 Bahan radioaktif dan/atau radas penyinaran dikeluarkan<sup>1</sup> atau dilupuskan daripada pemilikan pemegang lesen mengikut prosedur yang ditetapkan;
- 6.1.2 Pemberhentian pekerja sinaran dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan;
- 6.1.3 Gambar kemudahan penstoran/bilik dedahan/bilik radas penyinaran yang tidak digunakan dimuat naik secara dalam talian melalui Sistem eLesen (Nota: Lambang sinaran, lampiran sijil dan lain-lain dokumen lain yang berkaitan hendaklah dipastikan telah ditanggalkan, jika berkenaan); dan
- 6.1.4 Buku rekod perubatan (LPTA/BM/5 – Seksyen A) dan buku rekod dos dedahan (LPTA/BM/5 – Seksyen B) semua pekerja sinaran dipulangkan kepada AELB sama ada di Ibu Pejabat atau Pejabat Zon AELB.

**diselesaikan terlebih dahulu** sebelum mengemukakan permohonan membatalkan lesen secara dalam talian melalui Sistem eLesen.

---

<sup>1</sup> Contoh bahan radioaktif dan/atau radas penyinaran dikeluarkan daripada pemilikan boleh dirujuk kepada LEM/TEK/77: Panduan Tatacara Pengurusan Pemilikan Bahan Radioaktif atau Bahan Nuklear Yang Terdapat dalam Pemilikan Pemegang Lesen dan LEM/TEK/78: Panduan Tatacara Pengurusan Pemilikan Radas Penyinaran yang Terdapat dalam Pemilikan Pemegang Lesen.

## 7.0 TATACARA PERMOHONAN MEMBATALKAN LESEN

7.1 Apabila pemegang lesen tidak lagi berhasrat berurusan dengan aktiviti tenaga atom, permohonan pembatalan lesen perlu dikemukakan secara dalam talian melalui Sistem eLesen. Merujuk kepada Peraturan 78 (1) Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010, pemegang lesen perlu mendapatkan kelulusan daripada AELB untuk membatalkan lesen.

7.2 Tatacara permohonan membatalkan lesen secara dalam talian melalui Sistem eLesen adalah seperti berikut:

7.2.1 Pemegang lesen hendaklah terlebih dahulu memastikan Sijil Tandatangan Digital atau *Digital Certificate (Digicert)* masih sah tempoh;

7.2.2 Log masuk Sistem eLesen;

7.2.3 Klik pada tab 'Permohonan';

7.2.4 Klik menu 'Kebenaran' dan pilih jenis kebenaran bagi permohonan kelulusan 'Membatalkan Lesen Atas Permohonan Pemegang Lesen';

7.2.5 Rujuk kepada paparan skrin pertama sehingga skrin terakhir, Sistem eLesen akan memaparkan semua borang/dokumen yang perlu diisi/dimuat naik oleh pemegang lesen;

Nota: butang 'Seterusnya' tidak akan dipaparkan oleh Sistem eLesen sekiranya terdapat keperluan umum seperti di perkara 6.1.1, 6.1.2 dan 6.1.3 masih belum dipenuhi.

7.2.6 Klik pada kotak 'Pengesahan' sebelum menghantar permohonan;  
dan

7.2.7 Klik 'hantar' untuk menghantar permohonan.

## 8.0 PENUTUP

- 8.1 Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, mana-mana orang yang ingin mengemukakan permohonan membatalkan lesen secara dalam talian melalui Sistem eLesen bagi maksud bukan perubahan dikehendaki mematuhi panduan ini.
- 8.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini, sila hubungi AELB di alamat seperti berikut:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil, Selangor  
Telefon : 03-89225888  
Faks : 03-89223685  
Emel : corporate@aelb.gov.my  
Laman web : www.aelb.gov.my

## 9.0 REKOD DOKUMEN

<b>TARIKH TERIMAPAKAI</b>	<b>STATUS SEMAKAN</b>	<b>PENYEDIA</b>
11 Januari 2022	0	1. Dr. Suhana binti Jalil 2. Mohd Hazmin Safiyudin bin Abdullah

## 10.0 RUJUKAN

- a) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)
- b) Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986
- c) Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010